

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	15 October 2015



NAJIB TUN RAZAK dan isteri, Rosmah Mansor bersama penerima anugerah Tokoh Maal Hijrah Tahun 1437H/2015M, bekas Ketua Hakim Negara, Tun Abdul Hamid Mohamad (duduk) serta isteri, Toh Puan Hamidah Choong Abdullah (kanan) semasa majlis Perhimpunan Sambutan Maal Hijrah Peringkat Kebangsaan di Masjid Negara, Kuala Lumpur, semalam. Turut serta Jamil Khir Baharom (dua dari kiri) serta isteri, Datin Seri Fatmawati Siadin (dua dari kanan) dan Othman Mustapha (kiri). - UTUSAN/FARID JANUDIN

um - 15/10/2015

Jelaskan maksud sebenar Islam

Oleh **MOHD. ASRON MUSTAPHA,**
MOHAMAD HAFIZ YUSOFF BAKRI
dan **SURIANA KAHSIM**
pengarang@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 14 OKT.

PERDANA Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak mahu golongan ulama dan profesional Islam di negara ini menjelaskan maksud Islam yang sebenar bagi menangkis idea keganasan serta gerakan ekstremis daripada menular ke Malaysia.

Tegasnya, golongan berkenaan perlu tampil mengetengahkan bukan sahaja pelan tindakan, tetapi strategi dan program yang boleh dilaksanakan oleh kerajaan bagi tujuan merawat serta mematkan ideologi ekstremis seperti berlaku di Syria dan Iraq.

"Kita berdepan dengan idea-idea keganasan dan gerakan ekstremis. Gerakan ini boleh mendatangkan kesan buruk kepada dunia Islam, bagaimana umat Islam yang seakidah boleh dihalalkan pembunuhan seperti yang berlaku di Asia Barat sekarang ini.

"Maksud sebenar Islam ini perlu dikupas satu persatu bagi mengelak kekeliruan kerana Islam bukanlah agama yang memusuhi agama lain," katanya ketika berucap dalam maj-

Perlu dikupas satu persatu bagi mengelak kekeliruan kerana Islam bukanlah agama yang memusuhi agama lain."

DATUK SERI NAJIB TUN RAZAK
Perdana Menteri

lis sambutan Maal Hijrah peringkat kebangsaan bagi tahun 1437 Hijrah di Masjid Negara di sini, hari ini.

Sambutan Maal Hijrah yang bertemakan 'Perpaduan Nadi Transformasi Negara' itu julung kali diadakan di Masjid Negara sempena jubli emas masjid berkenaan serta sebagai manifestasi kepada kedudukannya sebagai mercu tanda agama Islam di negara ini.

Dalam pada itu, Najib berkata, Malaysia yang dipimpin Barisan Nasional (BN) sejak merdeka dengan bertunjangkan Islam sebagai agama Persekutuan merupakan sebuah negara yang menjadi mutiara serta sinar harapan kepada seluruh dunia Islam.

Sehubungan itu, tegas beliau, perpaduan dalam kalangan rakyat

yang menjadi azimat penting kepada Malaysia sehingga membutuhkan mutiara serta sinar harapan tersebut wajib dipertahankan dengan segala kekuatan yang kita ada.

"Inilah kebanggaan kita, jangan biarkan ia hancur, jangan biar sesiapa bersekongkol dengan pihak dalam dan luar negara untuk menghancurkan apa yang dicapai sebagai satu kejayaan. Kita terkehadapan membela dunia Islam, kenapa kita boleh buat demikian?"

"Kerana Malaysia ini aman. Kerana apa? Kerana Malaysia ini makmur. Kerana apa? Kerana kita mempunyai kekuatan iaitu perpaduan sebagai nadi transformasi negara. Jangan nanti, kita kehilangan mutiara yang menjadi kebanggaan dunia Islam ini akibat perbezaan sesama kita," katanya.

Menurut Najib, dunia Islam meletakkan harapan tinggi kepada Malaysia dan sebab itulah beliau tidak pernah khuatir untuk berucap termasuk di pentas Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) mengenai nasib takyat Palestin terutamanya.

Sambil berikrar Malaysia akan terus memperjuangkan nasib umat Islam di Palestin, katanya, tanggungjawab tersebut wajib dipikul kerana rakyat Palestin dihina dan dilayan seperti manusia yang tidak mempunyai sebarang hak oleh Zionis.